
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

TalentCorp

IMIGRESEN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT MASUK

DI BAWAH KATEGORI RETURNING EXPERT PROGRAMME(REP)




REP

Returning Expert Programme

OLEH TALENTCORP

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
KATA PENGANTAR YB MENTERI SUMBER MANUSIA	03
KATA PENGANTAR YB MENTERI DALAM NEGERI	04
KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA	05
KATA PENGANTAR KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN TALENTCORP	06
KATA ALU-ALUAN PENGARAH BAHAGIAN VISA, PAS DAN PERMIT	07
TUJUAN	08
TAFSIRAN	09
LATAR BELAKANG RETURNING EXPERT PROGRAMME (REP)	12
KATEGORI PEMOHON	14
TERMA DAN SYARAT PERMOHONAN PAS LAWATAN (SOSIAL) JANGKA PANJANG DAN PERMIT MASUK DI BAWAH KATEGORI REP	14
TATACARA PERMOHONAN	15
SEMAKAN STATUS	18
PROSES RAYUAN	19
PROSES PENGELUARAN PERMIT MASUK DAN NOTIS PERMIT MASUK	20
KEMUDAHAN, LARANGAN DAN PEMBATALAN PERMIT MASUK	21
KADAR BAYARAN	23
LAMPIRAN	24



KATA PENGANTAR



YB DATO' SRI RAMANAN RAMAKRISHNAN

MENTERI SUMBER MANUSIA

Bakat Malaysia merupakan aset penting kepada pembangunan dan masa hadapan negara, termasuk rakyat Malaysia yang telah membina kerjaya serta memperoleh pengalaman dan kepakaran di luar negara. Pengalaman antarabangsa, perspektif global, dan jaringan profesional yang dimiliki oleh mereka merupakan kekuatan yang dapat dimanfaatkan untuk memperkukuh keupayaan industri, memacu inovasi, dan meningkatkan daya saing negara.

Dalam usaha membangunkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan bersedia menghadapi perubahan dunia pekerjaan, Malaysia perlu memanfaatkan sepenuhnya potensi bakat yang dimiliki, sama ada di dalam mahupun di luar negara. Kepakaran rakyat Malaysia di peringkat antarabangsa bukan sahaja dapat memenuhi keperluan industri, malah berupaya memperkukuh pemindahan pengetahuan, membangunkan bakat tempatan serta menyumbang kepada pertumbuhan sektor ekonomi bernilai tinggi.

Melalui Program Kepulangan Pakar atau Returning Expert Programme (REP) yang dilaksanakan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kerajaan menyediakan laluan kepada profesional Malaysia di luar negara untuk kembali dan menyumbang kepakaran mereka kepada pembangunan negara. Usaha ini merupakan sebahagian daripada pendekatan yang lebih menyeluruh dalam memperkukuh ekosistem bakat Malaysia dan memastikan negara mempunyai akses kepada kepakaran yang diperlukan bagi memenuhi keperluan ekonomi masa hadapan.

Namun, keputusan untuk kembali ke tanah air bukan sekadar melibatkan peluang kerjaya. Bagi rakyat Malaysia yang telah membina kehidupan dan keluarga di luar negara, kesejahteraan pasangan dan anak-anak turut menjadi pertimbangan penting. Oleh itu, usaha memudah cara kepulangan bakat perlu mengambil kira keperluan keluarga agar mereka dapat membina kehidupan bersama di Malaysia dengan lebih teratur dan yakin.

Penerbitan Garis Panduan Permohonan Permit Masuk di bawah Kategori Returning Expert Programme ini mencerminkan komitmen bersama KESUMA dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui kerjasama rentas kementerian dan agensi. Dibangunkan melalui kerjasama TalentCorp, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), garis panduan ini menyediakan rujukan yang jelas dan sistematik bagi urusan permohonan Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang dan Permit Masuk untuk tanggungan peserta REP yang layak.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada TalentCorp, KDN, JIM, JPN, serta semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan penerbitan ini. Kerjasama seumpama ini amat penting dalam memastikan dasar dan inisiatif Kerajaan dapat diterjemahkan kepada pelaksanaan yang lebih terselaras, cekap, dan memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

Semoga garis panduan ini dapat membantu peserta REP dan keluarga mereka merancang masa hadapan di Malaysia dengan lebih yakin, sekali gus membuka ruang kepada lebih ramai profesional Malaysia untuk menyumbang kepakaran, pengalaman, dan potensi mereka demi kemajuan negara.

KATA PENGANTAR



YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

MENTERI DALAM NEGERI

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dapat menerbitkan Garis Panduan Permohonan Permit Masuk di bawah kategori Returning Expert Programme (REP). Penerbitan garis panduan ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkukuh tatakelola, ketelusan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, di samping memudah cara kepulangan bakat Malaysia untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

REP bukan sekadar inisiatif membawa pulang rakyat Malaysia berkepakaran tinggi, tetapi merupakan sebahagian penting daripada strategi pembangunan negara dalam memperkukuh modal insan, meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi serta memacu kemakmuran secara mampan. Kepakaran, pengalaman dan jaringan antarabangsa yang dibawa pulang merupakan aset strategik yang dapat merancakkan inovasi, memperkukuh industri bernilai tinggi dan mewujudkan nilai tambah kepada ekonomi negara.

Sehubungan itu, pengurusan REP perlu terus diperkemas agar proses kepulangan bakat Malaysia lebih cekap, jelas dan teratur. Jabatan Imigresen Malaysia terus menambah baik penyampaian perkhidmatan berkaitan bagi memudah cara kepulangan golongan berkepakaran tinggi tanpa mengabaikan integriti, kawal selia dan kepentingan negara.

Saya percaya garis panduan ini menjadi instrumen rujukan yang berwibawa dalam memastikan pengurusan permohonan dilaksanakan secara cekap, konsisten dan telus.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan kepada Jabatan Imigresen Malaysia atas komitmen menyediakan garis panduan ini. Semoga usaha ini terus memperkukuh pengurusan imigresen yang responsif dan berintegriti serta menyokong pembangunan modal insan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi, kemakmuran rakyat dan daya saing Malaysia.

KATA ALU-ALUAN



YBHG. DATO' ZAKARIA BIN SHAABAN

KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA

Returning Expert Programme (REP) oleh TalentCorp merupakan antara inisiatif strategik Kerajaan dalam menggalakkan warganegara Malaysia yang berkemahiran dan berkepakaran tinggi di luar negara untuk kembali, berkhidmat serta menyumbang kepada pembangunan negara. Kepulangan kelompok profesional dan tenaga mahir ini bukan sahaja memperkukuh ekosistem modal insan negara, malah berupaya memperkasa daya saing Malaysia melalui pemindahan ilmu, kepakaran, pengalaman antarabangsa dan jaringan profesional yang bernilai tinggi.

Penerbitan garis panduan ini mencerminkan komitmen JIM untuk memperkukuh tadbir urus penyampaian perkhidmatan melalui penyediaan prosedur yang jelas, seragam dan telus. Pendekatan ini penting bagi memastikan setiap permohonan dapat diurus secara konsisten dan berlandaskan prinsip pematuhan, akauntabiliti serta integriti.

Saya berharap agar garis panduan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pegawai pelaksana, peserta REP, pemohon serta semua pihak berkepentingan sebagai sumber rujukan yang autoritatif dan praktikal. Kefahaman yang jelas terhadap setiap ketetapan dan prosedur yang digariskan diyakini dapat meningkatkan kecekapan pengurusan permohonan, mengurangkan ketidakseragaman dalam pelaksanaan serta memperkukuh mutu penyampaian perkhidmatan imigresen kepada masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya titipkan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepakaran, pandangan dan komitmen dalam penyediaan garis panduan ini. Semoga penerbitannya dapat memperkukuh pengurusan Returning Expert Programme serta menyokong usaha Kerajaan menarik kembali bakat dan kepakaran rakyat Malaysia demi pembangunan negara yang mampan, berdaya saing dan sejahtera.

KATA PENGANTAR



PUAN BIRUNTHA MOORUTHI

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
KUMPULAN TALENTCORP

Malaysia sedang melalui perubahan pesat yang dipacu oleh kemajuan teknologi, pendigitalan, inovasi serta peralihan kepada industri bernilai tinggi. Perubahan ini bukan sahaja membentuk semula landskap ekonomi negara, malah turut mengubah corak pekerjaan, keperluan kemahiran dan jenis kepakaran yang diperlukan untuk memastikan Malaysia terus berdaya saing.

Dalam landskap ini, keupayaan Malaysia untuk menarik, membangun dan mengekalkan bakat berkemahiran tinggi amat penting dalam memenuhi keperluan industri dan memperkukuh daya saing negara. Rakyat Malaysia yang membina kerjaya di luar negara merupakan sebahagian daripada kekuatan ini, membawa pulang kepakaran, pengalaman antarabangsa, perspektif global dan jaringan profesional yang dapat memperkukuh industri, memacu inovasi dan menyokong pertumbuhan negara.

Program Kepulangan Pakar atau Returning Expert Programme (REP) oleh TalentCorp menyediakan laluan kepada profesional Malaysia di luar negara untuk kembali, meneruskan kerjaya serta membawa pulang kepakaran dan pengalaman mereka bagi menyokong keperluan bakat dan industri di Malaysia. Namun, bagi rakyat Malaysia yang telah membina keluarga di luar negara, keputusan untuk kembali turut melibatkan keupayaan pasangan dan anak-anak mereka untuk membina kehidupan bersama di tanah air. Justeru, proses yang jelas, teratur dan mudah difahami bagi urusan berkaitan tanggungan merupakan sebahagian penting dalam memudah cara kepulangan mereka.

Penerbitan Garis Panduan Permohonan Permit Masuk di bawah Kategori Returning Expert Programme ini mencerminkan usaha bersama untuk memperjelas proses tersebut. Dibangunkan melalui kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan TalentCorp, garis panduan ini menyediakan rujukan yang lebih sistematik kepada peserta REP dan tanggungan mereka mengenai permohonan Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang dan Permit Masuk di bawah kategori REP.

Sebagai agensi dan badan pemikir strategik di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), TalentCorp kekal komited untuk memperkukuh ekosistem bakat negara serta memastikan Malaysia mempunyai akses kepada bakat dan kepakaran yang diperlukan bagi memenuhi keperluan ekonomi masa hadapan.

Saya merakamkan penghargaan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) serta semua pihak yang telah bekerjasama dalam memperkemas proses dan membangunkan garis panduan ini. Kerjasama rentas agensi amat penting dalam memastikan dasar dan proses berkaitan bakat dapat dilaksanakan secara lebih jelas, terselaras dan berkesan.

Kepada rakyat Malaysia di luar negara yang sedang mempertimbangkan untuk kembali, kami mengalu-alukan kepakaran, pengalaman dan perspektif yang anda bawa. Semoga garis panduan ini dapat membantu memudahkan perjalanan anda dan keluarga untuk kembali membina kehidupan, berkembang dan mencipta impak di Malaysia.

KATA ALU-ALUAN

DR. MUHAMMAD SYAHMI BIN JAAFAR

PENGARAH BAHAGIAN VISA, PAS DAN PERMIT



Dalam usaha memperkukuh mutu penyampaian perkhidmatan, aspek kecekapan, ketelusan, akauntabiliti dan integriti hendaklah terus menjadi tonggak utama. Setiap pegawai yang terlibat perlu memahami bukan sahaja tatacara yang ditetapkan, malah rasional dasar dan asas tanggungjawab perundangan yang terkait. Pendekatan sedemikian penting bagi memastikan keputusan dan tindakan pentadbiran dilaksanakan secara profesional, konsisten serta berteraskan tadbir urus yang baik.

Lantaran itu, Unit Permit Masuk, Bahagian Visa, Pas dan Permit dengan kerjasama tidak berbelah bahagi pelbagai pemegang taruh telah membangunkan Garis Panduan Permohonan Permit Masuk di bawah kategori REP. Ia bukan sahaja merupakan dokumen tunggal yang boleh disandarkan oleh pegawai pelaksana, malah mampu memberikan panduan yang jelas kepada pemohon dan penaja. Pematuhan terhadap ketetapan yang digariskan diyakini dapat mempertingkatkan kecekapan pengurusan permohonan, memperkukuh keseragaman pelaksanaan serta memberikan pengalaman penyampaian perkhidmatan yang lebih teratur kepada pelanggan.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan garis panduan ini. Semoga penerbitannya dapat memperkukuh pengurusan permohonan Permit Masuk di bawah kategori REP serta mendukung komitmen Jabatan Imigresen Malaysia dalam menyediakan perkhidmatan imigresen yang profesional, berintegriti dan berorientasikan kepentingan negara.

1 TUJUAN

Garis panduan ini menetapkan kerangka dasar kawalan dan tatacara permohonan Permit Masuk di bawah kategori Returning Expert Programme (REP) dengan memperincikan antara lainnya terma dan syarat kelayakan serta proses permohonan yang jelas. Selain itu, garis panduan ini turut menggariskan proses pengeluaran Permit Masuk, kadar bayaran, kemudahan dan larangan ke atas pemegang Permit Masuk serta kaedah pengemukaan rayuan bagi permohonan-permohonan yang ditolak dalam memastikan semua proses dan tatacara yang berkaitan difahami dan dipatuhi oleh semua pihak berkepentingan.



2 TAFSIRAN

2.1	**Akuan Penerimaan (AP)** bermaksud pengesahan rasmi oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bahawa sesuatu permohonan yang dikemukakan adalah lengkap dan diterima untuk diproses.
2.2	**Bahagian Visa, Pas dan Permit** bermaksud suatu bahagian di bawah Ibu Pejabat JIM yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pelaksanaan dasar berkaitan visa, pas dan permit.
2.3	**Imigran Larangan** merujuk kepada mana-mana warganegara asing yang telah disenaraihitamkan atau ditegah secara mutlak daripada memasuki Malaysia selaras dengan Seksyen 8(3) Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155].
2.4	**Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)** merujuk kepada agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155], Akta Pasport 1966 [Akta 150], Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [L.N. 228/63].
2.5	**Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)** bermaksud agensi di bawah KDN yang bertanggungjawab terhadap pendaftaran kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian di samping menentukan taraf kewarganegaraan serta menguruskan rekod kependudukan negara.
2.6	**Ketua Pengarah Imigresen (KPI)** ialah pegawai tertinggi yang mengetuai JIM dan bertanggungjawab untuk melaksanakan kuasa serta fungsi jabatan.
2.7	**Kementerian Dalam Negeri (KDN)** merujuk kepada Kementerian di bawah Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dalam negeri termasuklah hal ehwal keimigresenan.

2.8	**Menteri Dalam Negeri** merujuk kepada orang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan sebagai Menteri Kerajaan Persekutuan yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi Kementerian Dalam Negeri serta menjalankan kuasa di bawah undang-undang di bawah Kementerian Dalam Negeri termasuklah Akta Imigresen 1959/63.
2.9	**Notis Permit Masuk** merupakan suatu bentuk pengendorsan ke atas pasport yang dibuat selaras dengan subperaturan 4(7) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dan pengendorsan itu disifatkan sebagai suatu Permit Masuk bagi membolehkan pemegangnya keluar dan masuk semula ke Malaysia.
2.10	**Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang** merupakan kemudahan imigresen yang diberikan oleh JIM bagi membolehkan warganegara asing tinggal di Malaysia bagi tempoh melebihi enam (6) bulan.
2.11	**Pemastautin Tetap** adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Jadual Kedua Perkara 19C Perlembagaan Persekutuan.
2.12	**Pemohon** merujuk kepada tanggungan peserta REP (pasangan iaitu suami atau isteri dan/atau anak kandung berumur di bawah 18 tahun) yang mengemukakan permohonan Permit Masuk di bawah kategori REP.
2.13	**Permit Masuk** merupakan dokumen yang dikeluarkan oleh Kerajaan selaras dengan Seksyen 10 Akta 155 dan merupakan dokumen mandatori bagi permohonan taraf Pemastautin Tetap di JPN. Ia bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada warga asing yang berniat untuk masuk dan bermastautin secara tetap di Malaysia tanpa had tempoh.
2.14	**Peserta Returning Expert Programme (REP)** bermaksud warganegara Malaysia yang telah diluluskan permohonan REP oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dan bertindak sebagai penaja kepada pemohon Permit Masuk.
2.15	**Polis Diraja Malaysia (PDRM)** merujuk kepada agensi yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tapisan keselamatan terhadap mana-mana orang yang membuat sesuatu permohonan Permit Masuk.

2.16	**Returning Expert Programme (REP)** merupakan program yang menawarkan pelbagai insentif bagi menggalakkan warganegara Malaysia yang berada di luar negara dan mempunyai kepakaran dalam sektor-sektor utama untuk kembali dan bekerja ataupun menjalankan perniagaan di Malaysia.
2.17	**Rujukan** bermaksud individu warganegara Malaysia (selain penaja) yang mengenali pemohon sama ada sebagai saudara terdekat atau majikan yang tinggal di Persekutuan/menetap di Malaysia.
2.18	**Senarai Syak** bermaksud senarai nama dan maklumat diri individu yang direkodkan dalam Sistem Keselamatan Imigresen Malaysia kerana disyaki terlibat melakukan kesalahan atau kegiatan yang menyalahi undang-undang.
2.19	**Surat Akuan Tarikh Kembali (SATK)** bermaksud suatu dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh TalentCorp kepada pemohon yang telah mendapat kelulusan di bawah REP dan memperoleh pekerjaan di Malaysia sejajar dengan bidang kepakaran yang telah ditetapkan bagi tujuan tuntutan insentif dan manfaat yang ditawarkan di bawah REP termasuklah permohonan bagi taraf Pemastautin Tetap secara *fast track* bagi tanggungan yang dibenarkan.
2.20	**Surat Kelulusan REP** merupakan suatu dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh TalentCorp setelah permohonan yang dikemukakan oleh peserta Returning Expert Programme (REP) diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian Permohonan REP. Surat kelulusan ini mempunyai tempoh sah laku selama dua (2) tahun atau suatu tempoh yang ditetapkan dari semasa ke semasa bagi membolehkan peserta REP memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebelum SATK dikeluarkan.
2.21	**TalentCorp** merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang diberi mandat untuk menarik, memupuk dan mengekalkan modal insan serta kepakaran yang terbaik dalam menyokong pembangunan tenaga kerja Malaysia ke arah mencapai status negara maju.
2.22	**Tapisan Keselamatan** adalah proses semakan dan siasatan latar belakang yang dijalankan oleh PDRM ke atas pemohon Permit Masuk yang berumur 18 tahun dan ke atas.
2.23	**Wang Cagaran** bermaksud wang jaminan yang dikehendaki ke atas pemohon selaras dengan Peraturan 18 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 sebagai suatu syarat bagi pengeluaran mana-mana Pas dan jumlah yang dikenakan adalah berdasarkan kewarganegaraan pemohon.

PENAFIAN

Garis panduan ini disediakan berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963, Perintah Imigresen (Larangan Masuk) 1963 [L.N. 227/1963] serta dasar dan prosedur semasa Kerajaan. Keputusan Permohonan Permit Masuk di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Manakala keputusan permohonan di Negeri Sabah dan Sarawak pula adalah tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

Permit Masuk yang dikeluarkan di Semenanjung Malaysia atau Wilayah Persekutuan Labuan hanya sah laku di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja. Manakala Permit Masuk yang dikeluarkan di Sabah atau Sarawak hanya sah laku di negeri tempat permit tersebut didaftarkan atau dikeluarkan.

3 LATAR BELAKANG RETURNING EXPERT PROGRAMME (REP)

3.1 REP diperkenalkan oleh Kerajaan sejak tahun 2001. Pada peringkat awal, program ini dikawal selia oleh Kementerian Sumber Manusia. Namun, bermula tahun 2011, REP dikendalikan sepenuhnya oleh TalentCorp dengan sokongan pelbagai agensi kawal selia yang lain termasuklah JIM.

3.2 Matlamat utama pelaksanaan REP adalah bagi menggalakkan warganegara Malaysia berkemahiran tinggi yang bermastautin dan bekerja di luar negara untuk kembali ke tanah air secara tetap dan seterusnya menyumbang semula kepada Malaysia. Langkah ini secara tidak langsung dapat memperkukuhkan serta memperkasakan tenaga kerja Malaysia agar setanding dan bertaraf global.

3.3	Selepas diberikan kelulusan dan memenuhi syarat-syarat duluan yang ditetapkan, peserta REP layak dipertimbangkan empat (4) insentif yang ditawarkan seperti yang berikut:
(a)	Pilihan kadar cukai rata 15% ke atas pendapatan pekerjaan selama lima (5) tahun secara berterusan;
(b)	Pengecualian cukai untuk barangan peribadi yang dibawa masuk ke Malaysia (terhad kepada satu penghantaran sahaja dan tidak termasuk kenderaan bermotor);
(c)	Pengecualian duti eksais/cukai untuk pembelian satu (1) kenderaan Complete Knocked Down (CKD) tempatan tertakluk kepada jumlah pengecualian sehingga RM100,000 (pembelian kenderaan adalah dalam tempoh sah laku Surat Kelulusan REP); dan
(d)	Pemberian taraf Pemastautin Tetap (Permanent Resident) bagi pasangan dan anak (berumur di bawah 18 tahun) yang memegang kewarganegaraan asing melalui pengeluaran Permit Masuk selepas permohonan lengkap dihantar kepada JIM.

3.4	Pemberian taraf Pemastautin Tetap secara *fast track* di bawah REP secara umumnya perlu melalui proses-proses seperti yang berikut:
(a)	Permohonan dan kelulusan REP di peringkat TalentCorp. Kriteria kelayakan wajib dan penilaian holistik permohonan REP adalah seperti di **Lampiran 1**;
(b)	Permohonan dan kelulusan Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang serta Permit Masuk di peringkat JIM; dan
(c)	Permohonan dan kelulusan pemberian taraf Pemastautin Tetap di peringkat JPN.

3.5	Infografik proses permohonan taraf Pemastautin Tetap secara *fast track* di bawah REP adalah seperti di **Lampiran 2**.

4 KATEGORI PEMOHON

Individu yang layak mengemukakan permohonan adalah seperti berikut:

(a)	Pasangan kepada peserta REP yang memegang kewarganegaraan asing; dan
(b)	Anak kandung kepada peserta REP yang memegang kewarganegaraan asing dan berumur di bawah 18 tahun.

5 TERMA DAN SYARAT PERMOHONAN PAS LAWATAN (SOSIAL) JANGKA PANJANG DAN PERMIT MASUK DI BAWAH KATEGORI REP

5.1	Merupakan tanggungan kepada peserta REP yang telah menerima SATK daripada TalentCorp.
5.2	Pemohon adalah tertakluk kepada syarat-syarat keperluan visa bagi negara-negara yang memerlukan visa untuk memasuki Malaysia.
5.3	Tempoh perkahwinan isteri kepada warganegara hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebelum permohonan boleh dikemukakan, manakala tempoh perkahwinan suami kepada warganegara hendaklah sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebelum sesuatu permohonan boleh diterima oleh JIM.

5.4	Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh sah laku Surat Kelulusan REP.
5.5	Permohonan hendaklah ditaja oleh pasangan dan/atau ibu bapa yang turut merupakan peserta REP.
5.6	Pemohon hendaklah memiliki pasport dengan tempoh sah laku sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dari tarikh permohonan.
5.7	Pemohon hendaklah menamakan dua (2) orang warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun dan ke atas sebagai penama rujukan.

6 TATACARA PERMOHONAN

6.1	Borang-borang permohonan Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang dan Permit Masuk boleh dimuat turun di pautan https://myheart.my/app/user/login.
6.2	Pemohon perlu melengkapkan dokumen-dokumen berkaitan:
(a)	**Lampiran 3** - senarai semak permohonan Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang di bawah kategori pasangan dan/atau anak kandung kepada warganegara;
(b)	**Lampiran 4** - senarai semak permohonan kebenaran bekerja pemegang Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang di bawah kategori REP; dan
(c)	**Lampiran 5 dan 6** - senarai semak permohonan Permit Masuk.

6.3	Pemohon perlu memuat naik dokumen-dokumen seperti di perenggan 6.2 (a) hingga (c) kepada TalentCorp secara atas talian di pautan https://myheart.my/app/user/login untuk tujuan semakan awal.
6.4	Pemohon dan penaja perlu hadir ke Unit Pas Lawatan (Sosial) dan Ikhtisas, Bahagian Visa, Pas dan Permit di Ibu Pejabat JIM selepas mendapatkan surat sokongan daripada TalentCorp beserta dokumen-dokumen sokongan seperti di **Lampiran 3** untuk mengemukakan permohonan Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang di bawah kategori pasangan dan/atau anak kandung kepada warganegara.
6.5	Pemohon akan dikecualikan daripada proses temuduga dan permohonan yang diluluskan akan dikeluarkan Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang dengan tempoh sah laku selama 12 bulan.
6.6	Bagi pemohon yang telahpun mempunyai Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang di bawah kategori pasangan dan/atau anak kandung kepada warganegara yang masih sah laku ketika permohonan REP diluluskan, pemohon boleh terus mengemukakan permohonan Permit Masuk tanpa perlu memohon Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang di bawah kategori pasangan dan/atau anak kandung kepada warganegara yang baharu.
6.7	Pemohon yang telah menerima tawaran pekerjaan boleh mengemukakan dokumen-dokumen seperti di **Lampiran 4** bagi tujuan mendapatkan kebenaran untuk bekerja.
6.8	Tertakluk kepada penerimaan dokumen yang lengkap, permohonan Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang kepada tanggungan peserta REP akan diproses dan diputuskan dalam tempoh satu (1) hari bekerja.

6.9	Pemohon yang telah diberikan kelulusan ataupun telah mempunyai Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang di bawah kategori pasangan dan/atau anak kandung kepada warganegara perlu hadir bersama penaja ke Unit Permit Masuk, Bahagian Visa, Pas dan Permit di Ibu Pejabat JIM dengan membawa dokumen-dokumen sokongan seperti di Lampiran 5 dan Lampiran 6 untuk mengemukakan permohonan Permit Masuk di bawah kategori REP.
6.10	Pemohon akan diberikan AP sebagai bukti bahawa permohonan lengkap telah diterima. Permohonan yang lengkap akan diproses dan diputuskan dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh AP dikeluarkan.
6.11	Setiap permohonan Permit Masuk perlu melalui tapisan keselamatan oleh PDRM dan kelulusan adalah tertakluk kepada kuasa Ketua Pengarah Imigresen.

7 SEMAKAN STATUS

7.1	Semakan status keputusan permohonan Permit Masuk boleh dilakukan selepas empat (4) bulan daripada tarikh AP dikeluarkan. Kaedah semakan adalah seperti yang berikut:
(a)	Menerusi imbasan Quick Response Code *(rujuk di bawah)*; atau
(b)	Melalui pautan https://imigresen-online.imi.gov.my/eservices/myPermit?semakStatusPermit.
7.2	Surat keputusan akan dihantar melalui pos ke alamat penaja sebagaimana yang dinyatakan dalam borang permohonan.
7.3	Surat kelulusan Permit Masuk mempunyai tempoh sah laku selama enam (6) bulan dari tarikh ia dikeluarkan. Sekiranya pemohon dan penaja gagal hadir dalam tempoh yang ditetapkan bagi proses pengeluaran Permit Masuk, maka surat kelulusan tersebut akan terbatal.
7.4	Sekiranya sesuatu permohonan ditolak dan pemohon tidak berhasrat untuk mengemukakan rayuan kepada YB Menteri Dalam Negeri, permohonan baharu hanya boleh dikemukakan semula selepas satu (1) tahun dari tarikh surat penolakan.

8 PROSES RAYUAN

8.1 Permohonan Rayuan Permit Masuk boleh dikemukakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat penolakan dikeluarkan kepada pemohon.

8.2 Pemohon boleh mengemukakan surat rayuan kepada YB Menteri Dalam Negeri melalui:

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA

8.3 Sebarang pertanyaan berhubung rayuan kepada YB Menteri Dalam Negeri boleh dikemukakan di talian 03-8886 3316/3319/3170 atau melalui e-mel rayuanpermitmasuk@moha.gov.my.

8.4 Pemohon yang diberi keputusan tolak oleh YB Menteri Dalam Negeri boleh mengemukakan permohonan baharu di Pejabat Imigresen yang berhampiran selepas satu (1) tahun dari tarikh keputusan rayuan.

9 PROSES PENGELUARAN PERMIT MASUK DAN NOTIS PERMIT MASUK

9.1	Pemohon yang diluluskan Permit Masuk perlu hadir bersama penaja ke Unit Permit Masuk, Bahagian Visa, Pas dan Permit, Ibu Pejabat JIM dengan membawa dokumen-dokumen sokongan seperti di **Lampiran 7** untuk meminda tempoh sah laku Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang semasa, membuat bayaran bagi tujuan pengeluaran Permit Masuk serta mendapatkan Notis Permit Masuk *(Notification of Resident's Permit)*
9.2	Permohonan yang lengkap akan diproses dan diserahkan dalam tempoh satu (1) hari bekerja.
9.3	Permit Masuk yang dikeluarkan tidak mempunyai tempoh tamat sah laku.
9.4	Tempoh sah laku Notis Permit Masuk adalah tertakluk kepada tempoh sah laku pasport pemegang Permit Masuk. Notis Permit Masuk perlu diperbaharui setiap kali pemegang Permit Masuk menukar pasport.
9.5	Pemegang Permit Masuk layak mengemukakan permohonan taraf Pemastautin Tetap di JPN Ibu Pejabat JPN/JPN Ibu Negeri dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengeluaran Permit Masuk. Senarai semak permohonan kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) adalah seperti di **Lampiran 8**.

10 KEMUDAHAN, LARANGAN DAN PEMBATALAN PERMIT MASUK

10.1	Kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada pemegang Permit Masuk adalah seperti yang berikut:
(a)	Bermastautin secara tetap dan sah di Malaysia tanpa had tempoh;
(b)	Bekerja, belajar dan menjalankan perniagaan tanpa perlu menukar kepada pas-pas lain tertakluk kepada perundangan dan peraturan semasa;
(c)	Memiliki hartanah di Malaysia tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan;
(d)	Memohon taraf kewarganegaraan Malaysia tertakluk kepada kelayakan dan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan;
(e)	Dibenarkan tinggal di kawasan yang telah diluluskan iaitu di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan;
(f)	Menikmati kemudahan keluar dan masuk negara dengan lebih lancar tertakluk kepada peraturan semasa di pintu-pintu masuk antarabangsa yang diwartakan; dan
(g)	Pasangan serta anak kandung berumur di bawah 18 tahun layak memohon Pas Lawatan (Sosial), Pas Pelajar, Pas Lawatan Ikhtisas atau Pas Residen (sekiranya tidak memilih untuk memohon Permit Masuk).

10.2	Larangan-larangan yang dikenakan ke atas pemegang Permit Masuk adalah seperti yang berikut:
(a)	Tidak dibenarkan mengundi atau menyertai mana-mana proses pilihan raya di Malaysia;
(b)	Tidak dibenarkan terlibat dalam kegiatan politik tempatan termasuk menyertai parti atau pertubuhan berkaitan politik;
(c)	Tidak layak memegang jawatan dalam perkhidmatan awam, angkatan tentera atau pasukan polis;
(d)	Tidak dibenarkan meminda atau mengubah sebarang maklumat pada Permit Masuk tanpa kebenaran JIM.
(e)	Pemegang Permit Masuk yang dikeluarkan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan tidak dibenarkan bermastautin di Sabah dan Sarawak; dan
(f)	Tidak dibenarkan untuk berada di luar Malaysia melebihi tempoh enam (6) bulan secara berterusan.

10.3	Ketua Pengarah Imigresen boleh membatalkan sesuatu Permit Masuk selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 14 Akta Imigresen 1959/63 antaranya di dalam situasi-situasi seperti yang berikut:
(a)	Pemegang Permit Masuk didapati memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan awam, kesihatan awam atau kemoralan awam;
(b)	Pemegang Permit Masuk tergolong sebagai imigran larangan di bawah Seksyen 8(3) Akta Imigresen 1959/63;
(c)	Pemegang Permit Masuk telah memperoleh kewarganegaraan Malaysia atau kembali ke negara asal atau berhijrah ke negara ketiga secara tetap; dan
(d)	Pemegang Permit Masuk meninggal dunia.

11 KADAR BAYARAN

11.1	Kadar bayaran bagi Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang adalah sebanyak RM90 setahun. Manakala kadar bayaran bagi Permit Masuk pula adalah sebanyak RM120 setahun.
11.2	Bayaran hendaklah dibuat secara tanpa tunai melalui kad kredit atau kad debit.
11.3	Kadar wang cagaran yang dikenakan ke atas pemegang Permit Masuk adalah tertakluk kepada kewarganegaraan pemohon seperti di **Lampiran 9**.
11.4	Wang cagaran boleh dituntut semula selepas pemohon memegang Permit Masuk selama dua (2) tahun mengikut tatacara proses tuntutan semasa.

LAMPIRAN 1

KRITERIA KELAYAKAN WAJIB DAN PENILAIAN HOLISTIK PERMOHONAN REP

(A) Kriteria Kelayakan Wajib



Warganegara Malaysia



Tidak menjana pendapatan di Malaysia sekurang-kurangnya 36 bulan sebelum tarikh permohonan REP



Permohonan Perlu Dibuat Sebelum Kembali ke Malaysia

Tidak mempunyai hutang tertunggak atau ikatan kontrak biasiswa/pinjaman dengan Kerajaan Malaysia atau mana-mana agensinya.



Mesti mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja dan menetap di luar negara secara berterusan.**

** Pemohon dari Singapura, Brunei, dan Thailand perlu mengemukakan dokumen bukti pemastautin

** Pengecualian diberikan kepada pemohon yang tidak bekerja pada waktu permohonan tetapi masih menetap di luar negara dan telah memperoleh pekerjaan di Malaysia sebelum kembali.

LAMPIRAN 1

KRITERIA KELAYAKAN WAJIB DAN PENILAIAN HOLISTIK PERMOHONAN REP

(B) Kriteria Penilaian Holistik



Kelayakan Akademik Tertinggi



Pendapatan semasa di luar negara (>RM20k sebulan)



Sektor Industri, Pekerjaan Kritikal yang tersenarai dalam MyCOL dan Pekerjaan Professional/Berkemahiran Tinggi



Pengalaman bekerja di luar negara



Pengalaman bekerja terdahulu di Malaysia

Kelayakan	Tahun bekerja di luar negara
Diploma	12 tahun
Ijazah	8 tahun
Ijazah Sarjana/Kelayakan Profesional	5 tahun
Ijazah Kedoktoran/Doktor Falsafah	4 tahun

Nota: Pemindahan dalam Syarikat yang Sama




Tidak tertakluk kepada sebarang kewajipan untuk kembali ke Malaysia



Kekal sebagai pekerja entiti luar negara semasa berada di luar negara

LAMPIRAN 2

INFOGRAFIK PROSES PERMOHONAN TARAF PEMASTAUTIN TETAP SECARA FAST TRACK DI BAWAH KATEGORI REP



LAMPIRAN 3

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PAS LAWATAN (SOSIAL) JANGKA PANJANG DI BAWAH KATEGORI REP

BIL.	DOKUMEN	TANDAKAN ✓
1.	Salinan Surat Akuan Tarikh Kembali (SATK)	
2.	Borang permohonan Pas Lawatan (IMM.12)	
3.	Borang permohonan untuk Visa (IMM.38)	
4.	Security Bond (Dimatikan setem hasil RM10.00 di LHDN)	
5.	Surat Akuan Sumpah (status perkahwinan) beserta gambar yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah	
6.	Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Lahir Penaja	
7.	Salinan Sijil Perkahwinan Luar Negara (jika berkenaan)	
8.	Salinan Sijil Perkahwinan di Malaysia	
9.	Gambar berukuran pasport dengan latar belakang berwarna putih (2 keping)	
10.	Salinan pasport antarabangsa pasangan (setiap muka surat pasport yang mempunyai pengendorsan sahaja)	
11.	Bukti alamat tempat tinggal (contoh bil utiliti terkini atau perjanjian sewaan)	
12.	Salinan sijil lahir anak	
13.	Salinan surat tawaran bekerja untuk tanggungan (jika berkenaan)	

NOTA PENTING

1. Pemohon dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan ketika mengemukakan permohonan.
2. Salinan dokumen yang dikeluarkan oleh negara asing (pasport, sijil perkahwinan, sijil lahir dan lain-lain) perlu mendapat pengesahan daripada pihak Kementerian Luar Negeri negara asal/bermastautin pemohon atau kedutaan negara asal/bermastautin pemohon di Malaysia.
3. Salinan dokumen asing perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu dan mendapat pengesahan daripada pihak Kementerian Luar Negeri negara asal/bermastautin pemohon atau pihak kedutaan negara asal/bermastautin pemohon di Malaysia.
4. Salinan dokumen asing yang diterjemahkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia boleh diterima.
5. Salinan dokumen di bawah perenggan (2) dan (3) perlu disahkan semula oleh Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara atau Kementerian Luar Negeri.

LAMPIRAN 4

SENARAI SEMAK PERMOHONAN KEBENARAN BEKERJA PEMEGANG PAS LAWATAN (SOSIAL) JANGKA PANJANG DI BAWAH KATEGORI REP

BIL.	DOKUMEN	TANDAKAN ✓
1.	(Sekiranya bekerja dengan majikan) Kontrak kerja yang telah dimeterai (Setem Hasil RM10.00) dan menerangkan dengan jelas: Jawatan, Tempoh perkhidmatan, Gaji bulanan. Kontrak kerja tersebut perlu ditandatangani oleh kedua-dua pihak (majikan dan pekerja)	
2.	(Sekiranya menjalankan perniagaan sendiri) Borang Pendaftaran Syarikat terus daripada system MyData SSM (versi terkini)	

NOTA PENTING

1. Pemohon dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan ketika mengemukakan permohonan.
2. Salinan dokumen yang dikeluarkan oleh negara asing (pasport, sijil perkahwinan, sijil lahir dan lain-lain) perlu mendapat pengesahan daripada pihak Kementerian Luar Negeri negara asal/bermastautin pemohon atau kedutaan negara asal/bermastautin pemohon di Malaysia.
3. Salinan dokumen asing perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu dan mendapat pengesahan daripada pihak Kementerian Luar Negeri negara asal/bermastautin pemohon atau pihak kedutaan negara asal/bermastautin pemohon di Malaysia.
4. Salinan dokumen asing yang diterjemahkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia boleh diterima.
5. Salinan dokumen di bawah perenggan (2) dan (3) perlu disahkan semula oleh Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara atau Kementerian Luar Negeri.

LAMPIRAN 5

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PERMIT MASUK DI BAWAH KATEGORI REP – PEMOHON

BIL.	DOKUMEN	TANDAKAN ✓
1.	Salinan pasport antarabangsa (setiap muka surat pasport yang mempunyai pengendorsan sahaja)	
2.	Borang Permohonan Suatu Permit Masuk (IMM.4)	
3.	Borang Maklumat dan Pertimbangan Permohonan Permit Masuk	
4.	Sijil kelahiran Luar Negara	
5.	Sijil Perkahwinan yang didaftarkan di Malaysia	
6.	Surat Akuan (Perkahwinan)	
7.	Gambar berukuran pasport dengan latar belakang berwarna putih (3 keping)	
8.	Sijil kelahiran (bagi kategori anak kepada peserta REP)	
9.	Gambar perkahwinan dan gambar keluarga	

NOTA PENTING

1. Pemohon dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan ketika mengemukakan permohonan.
2. Salinan dokumen yang dikeluarkan oleh negara asing (pasport, sijil perkahwinan, sijil lahir dan lain-lain) perlu mendapat pengesahan daripada pihak Kementerian Luar Negeri negara asal/bermastautin pemohon atau kedutaan negara asal/bermastautin pemohon di Malaysia.
3. Salinan dokumen asing perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu dan mendapat pengesahan daripada pihak Kementerian Luar Negeri negara asal/bermastautin pemohon atau pihak kedutaan negara asal/bermastautin pemohon di Malaysia.
4. Salinan dokumen asing yang diterjemahkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia boleh diterima.
5. Salinan dokumen di bawah perenggan (2) dan (3) perlu disahkan semula oleh Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara atau Kementerian Luar Negeri.

LAMPIRAN 6

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PERMIT MASUK DI BAWAH KATEGORI RETURNING EXPERT PROGRAMME – PENAJA

BIL.	DOKUMEN	TANDAKAN ✓
1.	Salinan pasport (setiap muka surat pasport yang mempunyai pengendorsan sahaja)	
2.	Salinan Surat Akuan Tarikh Kembali (SATK)	
3.	Sijil kelahiran	
4.	Kad Pengenalan	
5.	Surat Akuan (Penaja)	
6.	Gambar berukuran pasport dengan latar belakang berwarna putih (1 keping)	
7.	Surat tawaran kerja (nama syarikat, jawatan dan gaji) atau maklumat perniagaan	
8.	Contact Detail Form (diperolehi dari TalentCorp)	

NOTA PENTING

1. Pemohon dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan ketika mengemukakan permohonan.
2. Salinan dokumen yang dikeluarkan oleh negara asing (pasport, sijil perkahwinan, sijil lahir dan lain-lain) perlu mendapat pengesahan daripada pihak Kementerian Luar Negeri negara asal/bermastautin pemohon atau kedutaan negara asal/bermastautin pemohon di Malaysia.
3. Salinan dokumen asing perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu dan mendapat pengesahan daripada pihak Kementerian Luar Negeri negara asal/bermastautin pemohon atau pihak kedutaan negara asal/bermastautin pemohon di Malaysia.
4. Salinan dokumen asing yang diterjemahkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia boleh diterima.
5. Salinan dokumen di bawah perenggan (2) dan (3) perlu disahkan semula oleh Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara atau Kementerian Luar Negeri.

LAMPIRAN 7

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGELUARAN PERMIT MASUK DAN NOTIS PERMIT MASUK

BIL.	DOKUMEN	TANDAKAN ✓
1.	Surat kelulusan asal Permit Masuk yang masih berlaku	
2.	Pasport asal pemohon yang mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya 12 bulan beserta salinan muka surat biodata	
3.	Surat Akuan pengesahan status perkahwinan yang dibuat di hadapan Pesuruhjaya Sumpah	
4.	MyKad Penaja (asal dan salinan)	
5.	Surat Akuan Penaja	
6.	Gambar berukuran pasport dengan latar belakang berwarna putih (1 keping)	
7.	Salinan pas terkini yang telah dipinda tempoh sah laku	
8.	Resit bayaran Permit Masuk	
9.	Borang Permohonan Notis Permit Masuk	

NOTA PENTING

1. Pemohon dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan ketika mengemukakan permohonan.
2. Salinan dokumen yang dikeluarkan oleh negara asing (pasport, sijil perkahwinan, sijil lahir dan lain-lain) perlu mendapat pengesahan daripada pihak Kementerian Luar Negeri negara asal/bermastautin pemohon atau kedutaan negara asal/bermastautin pemohon di Malaysia.
3. Salinan dokumen asing perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu dan mendapat pengesahan daripada pihak Kementerian Luar Negeri negara asal/bermastautin pemohon atau pihak kedutaan negara asal/bermastautin pemohon di Malaysia.
4. Salinan dokumen asing yang diterjemahkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia boleh diterima.
5. Salinan dokumen di bawah perenggan (2) dan (3) perlu disahkan semula oleh Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara atau Kementerian Luar Negeri.

LAMPIRAN 8

SENARAI SEMAK PERMOHONAN KAD PENGENALAN PEMASTAUTIN TETAP (MyPR)

BIL.	DOKUMEN PEMOHON	TANDAKAN ✓
1.	Borang JPN.KP01 / Borang-Digital	
2.	Permit Masuk beserta cap kebenaran menetap (PTL) beserta cop bujur	
3.	Pasport asal pemohon yang mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya 6 bulan beserta salinan muka surat biodata, Notification of Permit dan Multiple Entry Visa	
4.	Sijil lahir / pengangkatan (kelahiran Malaysia / Luar Negara)	
5.	Pembuktian alamat (bil utiliti/telefon/cukai tanah/lain-lain dokumen yang berkaitan dengan alamat yang hendak digunakan)	
	DOKUMEN PENGANJUR	
6.	Kad Pengenalan	
7.	Salinan Nikah / Daftar Perkahwinan (jika berkaitan) (asal dan salinan)	
8.	Sijil kematian (jika berkaitan)	
9.	Lampiran D – Permohonan Kebenaran menjadi penganjur (jika berkaitan)	

NOTA PENTING


1. Pemohon dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan semasa membuat permohonan.
2. Permohonan kad MyPR hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari setelah memperolehi Permit Masuk.
3. Semua salinan dokumen perlu disahkan oleh Petugas Kaunter di Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).
4. Penganjur bagi permohonan kad pengenalan pemastautin tetap (MyPR) adalah orang yang sama yang menjadi penganjur semasa permohonan Permit Masuk di Jabatan Imigresen Malaysia.

LAMPIRAN 9

KADAR BAYARAN WANG CAGARAN BAGI PERMOHONAN PAS LAWATAN (SOSIAL) JANGKA PANJANG DAN PERMIT MASUK

BIL.	NEGARA	KADAR (RM)
1.	Amerika Syarikat	2,000
2.	Kanada	2,000
3.	Bangladesh	750
4.	Republik Rakyat China	1,500
5.	India	750
6.	Pakistan	750
7.	Filipina	750
8.	Indonesia	500
9.	Myanmar	750
10.	Singapura	200
11.	Thailand	300
12.	Vietnam	1,500
13.	Jepun	1,000
14.	Korea Selatan	1,000
15.	Macao	1,000
16.	Sri Lanka	750
17.	Nepal	750
18.	Nigeria	2,000
19.	Yemen	1,500
20.	Stateless	1,500
21.	Negara-negara lain	1,500

NOTA




REP
Returning Expert Programme
OLEH TALENTCORP